

PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
OFFICE OF DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF EDUCATION MALAYSIA
SEKTOR OPERASI PENDIDIKAN
EDUCATIONAL OPERATION SECTOR
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA
ARAS 4 BLOK E2, KOMPLEKS E
LEVEL 4 BLOCK E2 COMPLEX E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
FEDERAL GOVERNMENT ADMINISTRATIVE CENTRE
62804 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : +603-8884 9302
Fax : +603-8888 6680
Website : <http://www.moe.gov.my/>

5

KP(BPSH-SPDK)201/005/02 Jld.4 (42)
18 Februari 2013

Semua Pengarah Pelajaran
Jabatan Pelajaran Negeri



YBhg. Datuk/Tuan/Puan,

**SURAT SIARAN KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
BILANGAN 3 TAHUN 2013**

PANDUAN PELAKSANAAN PROGRAM MENTOR MENTEE DI SEKOLAH

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah menyediakan Panduan Pelaksanaan Program Mentor Mentee bagi memperkukuh pelaksanaan Program Guru Penyayang di sekolah-sekolah. Panduan Pelaksanaan Program ini mengandungi modul-modul yang memberi penekanan kepada pengukuhan sifat kepedulian (concern) guru terhadap muridnya dengan cara mengamalkan nilai kasih sayang, bersikap mesra, mengambil berat, berbudi bahasa, saling menghormati, sentiasa ceria, perihatin dan sabar.

3. Untuk makluman YBhg. Datuk/Tuan/Puan, objektif Panduan Pelaksanaan dan Modul Mentor Mentee adalah seperti berikut:

- 3.1 Menjadi panduan semasa melaksanakan Program Mentor Mentee .
- 3.2 Menjadikan modul sebagai bahan rujukan pelaksanaan Program Mentor Mentee.
- 3.3 Penyelarasan pelaksanaan Program Mentor Mentee mengikut tahap umur murid.
- 3.4 Mengukuhkan budaya penyayang dalam kalangan guru di sekolah.

4. Sehubungan itu, panduan dan modul ini hendaklah dimanfaatkan sepenuhnya oleh guru-guru dalam melaksanakan Program Mentor Mentee di sekolah. Bersama-sama ini disertakan Panduan Pelaksanaan dan Modul Mentor Mentee untuk perhatian YBhg. Datuk/Tuan/Puan. Panduan dan modul ini boleh dimuat turun melalui laman sesawang KPM, www.moe.gov.my.


5. YBhg. Datuk/Tuan/Puan dipohon mengambil tindakan sewajarnya dan memaklumkan kandungan surat siaran ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah, semua Pengetua dan Guru Besar sekolah-sekolah di bawah pentadbiran YBhg Datuk/Tuan/Puan.

Segala kerjasama YBhg. Datuk/Tuan/Puan berhubung perkara ini sangat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"


Saya yang menurut perintah,


DATO' HAJI SUFA'AT BIN TUMIN
Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
(Sektor Operasi Pendidikan)
Kementerian Pelajaran Malaysia

s.k. :

1. Setiausaha Sulit Kanan kepada
YAB Menteri Pelajaran Malaysia
2. Setiausaha Sulit Kanan kepada
YB Timbalan Menteri Pelajaran I
3. Setiausaha Sulit Kanan kepada
YB Timbalan Menteri Pelajaran II
4. Ketua Setiausaha
Kementerian Pelajaran Malaysia
5. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
6. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pelajaran Malaysia
7. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
(Pembangunan Profesionalisme Keguruan)
8. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
(Dasar dan Pembangunan Pendidikan)

10. Ketua-Ketua Bahagian
Kementerian Pelajaran Malaysia
11. Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pelajaran Malaysia
12. Pegawai Perhubungan Awam
Kementerian Pelajaran Malaysia



KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA PANDUAN PELAKSANAAN PROGRAM MENTOR MENTEE

1.0 PENGENALAN

Kementerian Pelajaran Malaysia berusaha melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab, dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri. Program mentor mentee merupakan satu proses interaksi antara guru dan murid melibatkan tindakan seperti membimbing, menyokong dan memberi nasihat. Mentor bukan sahaja menitikberatkan individu (mentee) dan perhubungan psikologi menteenya, tetapi juga membimbing, memberi penghargaan, kasih sayang dan mengasah kemahiran-kemahiran lain seperti membuat keputusan, menghadapi masalah atau mengatasi tekanan dan berusaha membimbing menteenya menjadi individu yang berguna kepada masyarakat dan negara.

2.0 KONSEP

Membangun Sahsiah Diri Murid Melalui Budaya Amalan Penyayang.

3.0 RASIONAL

- 3.1 Setiap murid mempunyai kebolehan membangun potensi diri bagi meningkatkan pencapaian sahsiah diri melalui bimbingan dan panduan daripada mentor.
- 3.2 Murid masa kini terdedah dengan pelbagai cabaran dalam memenuhi tuntutan remaja yang sudah pasti amat memerlukan sokongan, bimbingan, panduan dan perhatian bagi membolehkan mereka menikmati kehidupan dengan lebih optimis dan menyeronokkan.

4.0 OBJEKTIF

Melalui program ini, murid diharapkan dapat;

- 4.1 **Mewujudkan semangat kekeluargaan yang kukuh dan saling hormat-menghormati antara mentor dan mentee.**
- 4.2 **Mengamalkan budaya penyayang dan saling menghargai antara satu sama lain.**
- 4.3 **Membina keyakinan diri dalam menghadapi masalah, hasil dari bimbingan dan sentuhan dari mentor yang sentiasa mengambil berat (*caring*) terhadap kebajikan mereka.**

5.0 PELAKSANAAN

- 5.1 Program dilaksanakan kepada semua murid sekolah rendah dan menengah.
- 5.2 Melaksanakan program mentor mentee sebagai aktiviti rasmi sekolah mengikut kesesuaian masa seperti:
 - a. Waktu perhimpunan rasmi.
 - b. Waktu kokurikulum.
 - c. Selepas waktu persekolahan.
- 5.3 Perjumpaan diadakan sekurang-kurangnya 10 kali setahun. Jangka masa perjumpaan adalah antara 30 hingga 40 minit dan 1 kali dalam sebulan.
- 5.4 Pengisian bagi setiap perjumpaan adalah berdasarkan Modul Pelaksanaan Mentor Mentee yang mengandungi aspek seperti berikut:
 - a. **Pembangunan Sahsiah Diri Murid**
 - b. **Peningkatan Disiplin Murid**
 - c. **Psikososial dan Kesejahteraan Mental dan**
 - d. **Perkembangan Kerjaya**

6.0 STRATEGI PELAKSANAAN

- 6.1 **Mengadakan taklimat penerangan tentang konsep, objektif dan kepentingan pelaksanaan kepada murid dan guru.**
- 6.2 **Mengadakan majlis penyerahan mentee kepada mentor.**
- 6.3 **Perjumpaan diadakan di dalam kelas atau mengikut kesesuaian sekolah.**
- 6.4 **Pelantikan mentor**
 - a. **Semua guru dilantik menjadi mentor.**
 - b. **Pelantikan mentor dibuat secara rasmi(bertulis).**
 - c. **Setiap mentor diberikan senarai tugas, peranan, modul dan senarai mentee.**
- 6.5 **Pengagihan mentee.**
 - a. **Mentee adalah terdiri daripada murid di dalam kelas.**
 - b. **Setiap kelas mempunyai sekurang-kurangnya 2 orang mentor.**
- 6.6 **Tugas Mentor**
 - a. **Mengendalikan sesi perjumpaan dengan mentee di dalam kelas.**
 - b. **Melaksanakan aktiviti mengikut modul yang telah disediakan.**
 - c. **Mengambil tahu dan menjaga kebajikan mentee.**
 - d. **Membantu mentee yang memerlukan perhatian.**
 - e. **Merekod kehadiran mentee.**
 - f. **Mengisi borang pertemuan mentor mentee.**


7.0 PENUTUP

Program ini diharap akan dapat meningkatkan pembangunan sahsiah diri murid dan secara tidak langsung akan dapat mengeratkan hubungan guru dan murid, di samping dapat mewujudkan perasaan kasih sayang, selesa, selamat dan sejahtera dalam kalangan murid.

JAWATANKUASA MENTOR MENTEE

Pengerusi	: Pengetua/ Guru Besar.
Timbalan Pengerusi	: Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid
Naib Pengerusi 1	: Guru Penolong Kanan Akademik.
Naib Pengerusi 2	: Guru Penolong Kanan Ko Kurikulum
Naib Pengerusi 3	: Guru Penolong Kanan Petang.
Naib Pengerusi 4	: Guru Penolong Kanan Tingkatan 6.
Setiausaha	: Guru Bimbingan dan Kaunseling 1.
Penolong setiausaha	: Guru Bimbingan dan Kaunseling 2.
AJK	: Guru Kanan Mata Pelajaran / Ketua Panitia. Penyelaras Tingkatan/Tahun/ Guru Tingkatan. Guru Bimbingan dan Kaunseling

CARTA ALIRAN PROSES PELAKSANAAN PROGRAM MENTOR MENTEE



**INSTRUMEN PENILAIAN KEBERKESANAN PROGRAM MENTOR MENTEE
(MENTEE)**

NAMA SEKOLAH :

DAERAH : NEGERI :

BIL	ITEM	YA	TIDAK
1.	Program ini memberi kesan positif kepada saya		
2.	Perhubungan saya dengan mentor dalam suasana mesra		
3.	Mentor merupakan tempat rujukan apabila saya menghadapi masalah.		
4.	Mentor dapat membantu ke arah peningkatan sahsiah saya		
5.	Saya sentiasa memberi kerjasama pada setiap kali perjumpaan bersama mentor saya.		
6.	Mentor menghargai saya.		
7.	Program Mentor Mentee merapatkan hubungan saya dengan rakan-rakan.		
8.	Saya gembira mengikuti program mentor mentee		

T/Tangan Mentee

Tarikh :

GATATAN:

Analisis Skor

BIL	SKOR	TAHAP KEBERKESANAN
1.	1-3	KURANG BERKESAN
2.	4-6	BERKESAN
3.	7-8	SANGAT BERKESAN

**INSTRUMEN PENILAIAN KEBERKESANAN PROGRAM MENTOR MENTEE
(MENTOR)**

NAMA SEKOLAH :

DAERAH : NEGERI :

BIL	ITEM	YA	TIDAK
1.	Program ini memberi kesan positif kepada mentee.		
2.	Perhubungan saya amat mesra dengan mentee.		
3.	Mentee menjadikan saya sebagai tempat rujukan apabila beliau menghadapi masalah.		
4.	Saya sentiasa membantu mentee ke arah peningkatan sahsiah.		
5.	Mentee menerima saya sebagai mentornya dengan baik		
6.	Modul yang dibekalkan dapat membantu saya ke arah pengendalian perjumpaan yang lebih sempurna.		
7.	Modul yang digunakan dapat mengubah tingkah laku mentee ke arah yang lebih positif		
8.	Saya gembira mengendalikan program mentor mentee		

T/Tangan Mentor

Tarikh :

CATATAN :

Analisis Skor

BIL	SKOR	TAHAP KEBERKESANAN
1.	1-3	KURANG BERKESAN
2.	4-6	BERKESAN
3.	7-8	SANGAT BERKESAN

**INSTRUMEN PENILAIAN PELAKSANAAN PROGRAM MENTOR MENTEE
(PEMANTAUAN)**

NAMA SEKOLAH :
 DAERAH : NEGERI :

BIL	ITEM	YA	TIDAK
1.	Jawatankuasa Pelaksana Guru Penyayang (Mentor Mentee) telah ditubuhkan.		
2.	Taklimat pelaksanaan Program Guru Penyayang (Mentor Mentee) telah disampaikan kepada semua guru.		
3.	Sekolah mengadakan promosi yang sesuai berkaitan Program Mentor Mentee		
4.	Pihak sekolah mematuhi garis panduan pelaksanaan program mentor mentee yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia		
5.	Perfaksanaan program mentor mentee berpandukan modul yang diberi		
6.	Pengurusan sekolah turut sama terlibat dalam pelaksanaan program		
7.	Semua guru terlibat dalam pelaksanaan program dan memberi kerjasama yang baik		
8.	Mentor dan mentee menggunakan masa perjumpaan yang ditetapkan dengan maksimum		

T/Tangan Pemantau

Tarikh :

CATATAN:

Analisis Skor

BIL	SKOR	TAHAP PELAKSANAAN
1.	1-3	KURANG DILAKSANAKAN
2.	4-6	PELAKSANAAN DI TAHAP SEDERHANA
3.	7-8	DILAKSANAKAN DENGAN BAIK